

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HMT 502 – Sosiologi dan Komunikasi Bahasa Melayu**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan di dalam **Bahagian A WAJIB** dijawab. Jawab mana-mana **DUA** soalan daripada **Bahagian B**.

Tulis nombor 1 hingga 5 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

### Bahagian A

1. Jawab soalan [a], [b] dan [c] dengan menggunakan **Data 1** yang memaparkan dialog dalam bahasa Melayu kreol Baba dan Nyonya Melaka.

<b>Data 1</b>	
A:	Bikin kue ni susah eh?
B:	Ah sukatan tak bleh betul macam, suma pake kilo. Dia tak bleh jual kati pase ni jam kilo. Oh Singapo kira kilo eh?
A:	Dia kata tak da tau.
B:	Abi lu buat satu paunlah?
A:	Sudah kata mo bikin s'le kaya tak timbang kak Si Chuan punya rumah.
B:	Sukat mangkok! Gua ni jam sukat mangkok.
A:	Ah ... sukat mangkok ...
B:	Gua aje, ah ...

*Sumber: Ong, T.L. (1985: 99)*

- [a] Jelaskan maksud bahasa stratum bawah dan stratum atas. Di dalam **Data 1** di atas yang manakah bahasa stratum bawah dan bahasa stratum atas?  
[8 markah]

- [b] Bahasa kacukan memiliki tatabahasa satu bahasa dan leksikal bahasa lain. Adakah kenyataan ini benar, palsu atau keduanya? Bincangkan.  
[8 markah]

- [c] Kemukakan satu [1] faktor linguistik dan dua [2] faktor bukan linguistik yang mendorong kewujudan bahasa kacukan di atas di Malaysia.  
[9 markah]

2. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Takrifkan konsep kompetens berkomunikasi yang dinyatakan oleh Gumperz (1972: 205) dan kompetens linguistik.  
[10 markah]

- [b] Nyatakan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua konsep ini dan jelaskan sebab Gumperz (1972) dan Hymes (1974) mencadangkan keperluan adanya kompetensi berkomunikasi pada penutur jati sesuatu bahasa.

[15 markah]

### **Bahagian B**

3. Jawab soalan [a] dan [b]. Soalan [b] menggunakan **Data 2**.

- [a] Berikan takrifan akronim *S.P.E.A.K.I.N.G.* dan jelaskan cara akronim ini mencerminkan sistem komunikasi.

[10 markah]

- [b] Aplikasikan kerangka etnografi *S.P.E.A.K.I.N.G.* untuk menganalisis peristiwa komunikasi yang berlaku antara empat penutur tingkatan enam di daerah Kodiang, Kedah di dalam **Data 2**.

[15 markah]

**Data 2**

Zah: Lepaih tu kami pi lebih kurang pukui dua. Tengah hangat. Tengah panas ah. Pi la tenguk, boleh naik **form six** ka dak? Dah tak tau ada nama ka tak. Cik gu Manora kata kamu ada. Nama orang lain tak tau dia kata. Kami pi. Dok pi kan tenguk-tenguk ada. Seronok la. Terlonjat la aku. Lepaih tu kan... lepaih tu dah kami pi kan, cikgu khabak esuk kena daftak. Mana nak tau petang kan baju tak dak. Kain semua tak dak, tak tau dudok tang mana kan. Esok dah la hari Ahad tu.

Noor: Syok la

Su: Lepaih tu jumpa cik gu. Cik gu ucap tahniah boleh naik tingkatan enam. Esok tu pi la. Pi-pi. Dok pi tu semua orang dok kata macam mana tak da kawan. Jai pun... Jai boleh naik tapi Jai mana ada dekat sini kan. Dia dudok dekat Bangi. Lepaih tu tak tau nak kawan dengan siapa. Pi ni sorang-sorang la. **Frust** aku. Pi-pi tak pa lah kak Pa ada. Tapi ingat Ina ada la. Tak apa la kan. Pi-pi tengok masing-masing dengan kawan masing-masing ja. Tak dak kawan. Abih tu kami pun dah daftar-daftar tu... punya daftar-daftar tu, dudok dalam dewan kan. Dok sorang-sorang la kan. Tak dak kawan. Ha orang kata...

Zai: Tersisih.

Zah: Monyok aja. Sorang-sorang. Monyok aja kat mak. Nak tukak... nak tukak pi Pahang pulak. Abih tu la sorang-sorang. Hari **orientasi** pulak tak kawan jugak. Lagi teruk masa **orientasi** tu. Macam-macam kena kata la kan. Ton tu pun tak cakap jugak. Tak tau nak cakap apa kan. Ton pun tak berapa ni sangat. Lepaih tu kami pun kelaih masing-masing kan sorang-sorang. Dok ingat dalam hati macam tak nak mengaji dah. Tak mau pi dah naik tingkatan enam tu. Rasa macam ... Tak da kawan. Tak **best** la kan. Tak seronok. Kawan pun dua tiga empat orang ja.

Zai: Tak syok

Su: Tak syok la. Lepaih tu lama-lama tu Zai pi. Dah Zai pi tu tak apa la. Tapi la ni rasa... la ni rasa dok dalam kelaih boleh la jugak. Rasa semangat la nak pi sekolah tu la ni walaupun duit... walaupun duit tak cukup ka. Nak beli buku banyak. Ah tu masa dapat kawan-kawan yang pindah pun ramai la ni.

4. Jawab soalan [a] dan [b] dengan menggunakan **Data 2** dan **Data 3**.

<b>Data 3</b>	
Min:	You nak I buat tak benda tu? I don't mindlah.
Seha:	It's okay. I dah buat hampir selesai dah ni.
Min:	Ok tapi kalau you nak I tolong, call I tau.
Seha:	Ah ha... ya la. I will. Tapi you ni bukan senang I nak contact pun.
Min:	For you, I akan bagi nombor rumah I. Jangan pass kat orang lain tau.
Seha:	Thank you!

- [a] **Data 2** mempunyai kata-kata pinjaman yang telah ditandakan dengan fon gelap dan digariskan. Nyatakan jenis peminjaman dan pertembungan bahasa yang terdapat dalam **Data 2** dan **Data 3** serta bandingkan kadar pertembungan dari segi pilihan leksikal dan struktur tatabahasa.

[15 markah]

- [b] Adakah bahasa Melayu akan pupus jika penutur bahasa kerap bercakap dalam bahasa campur seperti yang tertera dalam **Data 3**? Nyatakan pendapat anda sebagai seorang ahli sosiolinguist yang cenderung kepada kefahaman linguistik deskriptif.

[10 markah]

5. Jawab soalan [a] dan [b] dengan menggunakan petikan laras di dalam **Data 4** yang berikut.

- [a] Kenal pasti dan huraikan aspek medan, mode dan tenor (Halliday, 1976) yang membentuk laras di dalam **Data 4**.

[12 markah]

- [b] Dengan menggunakan mana-mana bahagian daripada **Data 4**, huraikan:-

- [i] perbezaan bentuk antara laras dalam **Data 4** dengan laras-laras lain yang anda ketahui; dan

[6 markah]

...6/-

[ii] maksud pernyataan laras berbeza dari segi bentuk, bukan dari segi makna.

[7 markah]

**Data 4**

**SLIP PENGEPOSAN PENGIRIM  
SENDER POSTING SLIP**

SILA BACA DENGAN TELITI  
PLEASE READ CAREFULLY

Pengiriman barang-barang berharga atau menyalahi peraturan dilarang samasekali. Gantirugi tidak dibayar sekiranya kandungan rosak atau hilang. Jaminan terhad kepada standard perkhidmatan yang dijanjikan sahaja. Pengirim akan menerima percuma sampul Pos Ekspres/paket Ekspres baru sekiranya standard perkhidmatan tidak dipenuhi.  
*Sending of valuable or prohibited items is extremely prohibited. Compensation will not be paid if item damaged or lost. Guarantee limits to the promised service standard only. Sender will receive free a new Pos Ekspres envelope/Pos Ekspres packet if the promised service standard not performed.*

**Prosedur membuat pertanyaan**  
*Enquiry procedures*

- Sebarang pertanyaan hendaklah dibuat dalam tempoh sepuluh hari dari tarikh pengeposan.  
*All enquiries should be raised within 10 days after the date of posting.*

- Bagi siasatan lanjut atau menuntut sampul gantian **SLIP PENGEPOSAN** hendaklah dikemukakan.  
*For detail investigation or claiming envelope replacement please present this POSTING ENVELOPE.*